

Pengenalan

Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyediakan satu kajian perancangan di Jajahan Machang bagi tempoh 2010 - 2020.

Rancangan Tempatan ini perlu dipublikitikan dan dihebahkan kepada orang awam terutamanya penduduk tempatan untuk mendapatkan maklumbalas, pandangan, komen dan cadangan bagi membangunkan kawasan mereka.

Kini Draf Rancangan Tempatan Jajahan Machang berkenaan telah siap dan mula dipublikitikan untuk penyertaan orang awam. Rancangan ini setelah diwartakan akan digunakan oleh Majlis Daerah Machang, agensi-agensi pelaksana dan orang awam sebagai panduan di dalam membangunkan Jajahan Machang sehingga tahun 2020.

Konsep Pembangunan

Jajahan Machang merupakan salah satu daerah daripada enam daerah di Negeri Kelantan yang mana Bandar Machang berperanan sebagai pusat perkhidmatan utama dalam Jajahan Machang. Bandar Machang sebagai Pusat Pertumbuhan Utama disokong oleh pusat-pusat pertumbuhan lain seperti Pulau Chondong, Banggol Judah, Batu 30-Kampung Pek serta pusat-pusat pertumbuhan yang lain.

Konsep Pembangunan bagi RTJ Machang memberi tumpuan pembangunan di kawasan di luar kawasan mudah banjir, pengukuhan koridor pembangunan Machang-Labok, koridor Machang-Pasir Puteh dan koridor Pulau Chondong-Kok Lanas.

Selain itu pengukuhan pusat-pusat petempatan sedia ada iaitu Bandar Machang, Banggol Judah, Pulau Chondong, Labok, Batu 30 dan Kampung Pek turut diberi tumpuan utama.

Kawasan pertanian dan kawasan padi sedia ada dikekalkan menepati Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Pembangunan rangkaian jalan raya yang lebih baik dengan pembinaan jalan-jalan baru dan menaiktaraf jalan bagi menyediakan laluan alternatif ke kawasan petempatan desa dan pusat-pusat petempatan.

Pemuliharaan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), kawasan bercerun, kawasan padang ragut dan kawasan berkepentingan geologi turut diberi tumpuan.


Matlamat Pembangunan

”Memperkukuhkan Jajahan Machang Sebagai Pusat Pendidikan, Pertanian Dan Perindustrian Asas Tani Serta Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat”


Teras Pembangunan

1. Pengurusan Bandar dan Petempatan Sejahtera
2. Wilayah Ekonomi Pertanian dan Perindustrian Asas Tani
3. Perhubungan dan Kebolehsampaian Yang Menyeluruh
4. Alam Sekitar Mampan
5. Pengurusan Pembangunan Berkesan

Strategi Pembangunan Jajahan Machang 2020



Banggol Judah ‘Bandar Ilmu’



Rancangan Tempatan Jajahan Machang 2010 - 2020 disediakan untuk Majlis Daerah Machang di bawah program Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Rancangan Tempatan Jajahan Machang adalah merupakan satu dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan guna tanah dan fizikal secara terperinci bagi seluruh Jajahan Machang menjelang tahun 2020.

Draf kajian berkenaan boleh disemak bagi tempoh satu bulan bermula dari **15 November 2011 hingga 22 Disember 2011** di tempat – tempat semakan seperti berikut:

- Pejabat Majlis Daerah Machang; dan
- Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan, Blok 4, Kota Darul Naim, Kota Bharu.

Untuk keterangan lanjut, orang awam boleh melayari laman web <http://www.townplan.gov.my/epublisiti/>, <http://onemapserver.com/> dan <http://www.mdmachang.gov.my>.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) adalah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab secara langsung dalam perancangan bandar dan desa di negara ini. Selain daripada perancangan di peringkat nasional seperti penyediaan Rancangan Fizikal Negara dan Dasar Perbandaran Negara, JPBDSM juga bertanggungjawab membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam penyediaan Rancangan Pemajuan seperti Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.